

Kadar purata gaji global berkurangan 0.9 peratus

Berita Harian (3/12/2022) MS/29

Penurunan dikhuatiri akibatkan kemerosotan ekonomi, krisis sosial lebih teruk

Geneva: Kadar purata gaji global dilaporkan berkurangan buat pertama kali pada tahun ini sejak berlakunya krisis kewangan dunia akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan peningkatan kos sara hidup.

Menurut agensi buruh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), perkembangan itu dikhuatiri akan meningkatkan ketidakstabilan dan ketidakseimbangan sosial.

Kadar bayaran gaji bulanan berkurangan sebanyak 0.9 peratus pada separuh pertama 2022, menyaksikan pertumbuhan gaji negatif pertama sejak 2008, jelas Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menerusi laporan gaji global yang dikelu-

arkan baru-baru ini.

Golongan berpendapatan rendah adalah kumpulan paling teruk terjejas, terutama selepas menerima gaji yang tidak menentu ketika pandemik.

Di sebalik usaha banyak negara untuk mengurangkan inflasi, kadar bayaran gaji minimum dari 2020 hingga 2022 mencatatkan pengurangan di Bulgaria, Sepanyol, Sri Lanka, Korea Selatan, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).

Penurunan gaji berlaku biar pun produktiviti meningkat, dengan 2022 menunjukkan jurang terbesar antara pertumbuhan produktiviti buruh dalam tempoh sebenar dan per-

tumbuhan gaji di negara berpendapatan tinggi sejak 1999.

Kemerosotan berterusan

Ketua Pengarah ILO, Gilbert F Houngbo berkata kemerosotan gaji dalam masa sebenar dijangka berterusan tanpa sebarang 'langkah pencegahan' oleh mana-mana negara di seluruh dunia.

"Keadaan ini akan menyebabkan kemungkinan berlaku kemerosotan ekonomi yang lebih teruk dan risiko itu sudah pun menjadi semakin buruk ketika banyak bank pusat bertungkus-lumus menurunkan inflasi.

"Akibatnya, pemulihan ekonomi dan sektor pekerjaan

menjadi semakin sukar, selain mencetuskan ketidakadilan dan krisis sosial," katanya.

Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), inflasi global diramal mencecah 8.8 peratus menjelang hujung tahun ini, sebelum menurun sehingga 6.5 peratus pada 2023 dan 4.1 peratus pada 2024.

Berdasarkan data negara, Eropah Timur dan Amerika Utara menunjukkan penurunan kuasa beli paling mendaak dengan gaji berkurangan sehingga 3.3 peratus pada separuh pertama 2022.

Negara anggota Kesatuan Eropah juga merekodkan kemerosotan gaji iaitu sebanyak 2.4 peratus, Amerika Latin dan Caribbean (1.7 peratus).

Sementara itu, ILO turut mencadangkan beberapa dasar yang boleh menangani penurunan kadar gaji, termasuk kenaikan gaji yang sepadan dengan peningkatan produktiviti, pelarasan gaji minimum yang lebih berpatutan dan kerjasama antarabangsa yang meluas.

Aspek itu termasuk isu berkaitan perubahan iklim, penjagaan kesihatan kritikal dan menangani diskriminasi terhadap wanita serta kanak-kanak perempuan. AGENSI

Keadaan ini akan menyebabkan kemungkinan berlaku kemerosotan ekonomi yang lebih teruk dan risiko itu sudah pun menjadi semakin buruk ketika banyak bank pusat bertungkus-lumus menurunkan inflasi

Gilbert F Houngbo,
Ketua Pengarah ILO

